

KERTAS 1: Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 Pemungutan cukai yang dibuat oleh Inggeris telah mencetuskan _____ penduduk.

- A pemarah
- B dimarahi
- C memarahi
- D kemarahan

2 Menurut Lysha, _____ ke Kampung Budaya Sarawak itu mengambil masa selama satu jam.

- A menjalankan
- B perjalanan
- C menjalani
- D berjalan

B. Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

1 Rita memperoleh berapa pengalaman baharu semasa mengikuti ekspedisi seni dan budaya itu.

- A semua pengalaman
- B seluruh pengalaman
- C beberapa pengalaman
- D berapa pengalaman

2 Jaina terpikat oleh rasa nasi tumpang yang terlalu sedap sangat.

- A terlalu sedap
- B tersangat sedap amat
- C sangat terlalu sedap
- D terlalu sedap sangat

C. Dalam bahan di bawah ini, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti dua kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Tarian ngajat berasal dari Sarawak. Tarian ini ialah tarian tradisional orang Iban yang ditarikan semasa sambutan hari gawai. Tarian ngajat diwarisi secara turun temurun dan telah menjadi identiti etnik Iban di Sarawak.

- (i) _____
- (ii) _____

Ingat

- Kata adjektif yang mempunyai imbuhan 'ter' tidak perlu kata penguat kerana kata itu sendiri sudah memuat 'paling'.
- Contoh:
 - X tersangat cantik sekali
 - X tersangat cantik
 - ✓ tercantik